



SEKOLAH TUN FATIMAH

JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80000 JOHOR BAHRU

Tel. : 07-2364706 (Pej. Am)
07-2372022 (Pej. Pengetua)
Fax : 07-2376961
Tel./Fax : 07-2354169 (Pej. Asrama)
E-mail: stf@stf.edu.my
Laman Web: www.stf.edu.my

Rujukan Kami : STFJB.700-2/1/2()

Tarikh : 21 Mac 2021
7 Syaaban 1442

Kepada,

Ibubapa/Penjaga Murid
Sekolah Tun Fatimah,
80000 Johor Bahru, Johor.

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENDAFTARAN MASUK KE SEKOLAH DAN ASRAMA BAGI MURID TINGKATAN DUA HINGGA LIMA SESI PERSEKOLAHAN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, Sesi persekolahan bagi **murid tingkatan dua hingga lima** akan bermula pada **4 April 2021 (Ahad)**. Sehubungan dengan itu murid perlu berada di sekolah seperti ketetapan berikut untuk mengelakkan kesesakan :-

Tarikh	: 2 April 2021(Jumaat) murid tingkatan empat dan lima : 3 April 2021 (Sabtu) murid tingkatan dua dan tiga
Masa Pendaftaran	: Rujuk lampiran
Tempat	: Laman Aktiviti Pelajar
Pakaian	: Baju Korporat Sekolah dan kasut bertutup (<i>court shoes</i>)
Bilangan Yang Dibenarkan Hadir	: Ibu bapa /penjaga dan murid sahaja

3. Bagi pengurusan pemantauan murid yang lebih efektif, kami telah bersetuju untuk penempatan semua murid tingkatan dua di blok Fatimah, tingkatan tiga di blok Zainon tingkatan empat di blok Aishah dan tingkatan lima di blok Pelangi. Begitu juga dengan tatacara pembayaran untuk yuran makan serta sumbangan PIBG (berdasarkan persetujuan dalam Mesyuarat AJK PIBG pada 7 Mac 2021) serta lain-lain urusan seperti dilampiran.

4. Bersama-sama ini disertakan lampiran berikut untuk tindakan dan makluman pihak Selanjutnya :

- 4.1 Panduan Ibu Bapa/Penjaga dan Murid Tingkatan dua hingga lima
- 4.2 Catatan semasa melapor diri dan Panduan umum Ibu Bapa/Penjaga
- 4.3 Masa pendaftaran
- 4.4 Senarai barang keperluan yang perlu dibawa
- 4.5 Senarai barang larangan dibawa ke asrama dan sekolah
- 4.6 Borang Deklarasi kesihatan

**MAKLUMAN PENDAFTARAN MASUK KE SEKOLAH DAN ASRAMA BAGI MURID
TINGKATAN DUA HINGGA LIMA SESI PERSEKOLAHAN 2021**

- 4.7 Carta alir proses melapor diri
- 4.8 Borang persetujuan pemeriksaan dan suntikan (Tingkatan 3 sahaja) perlu di isi dan dikembalikan semasa pendaftaran
- 4.9 Bayaran makan dan sumbangan PIBG
- 4.10 Perkhidmatan Dobi

5. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan **Puan Nor Haniza binti Abdullah, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di talian 012-7646099 / 07-2364706**. Segala kerjasama dan sokongan tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai, hanya Allah yang dapat membalasnya.

Sekian terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.



(NOR HAYATI/BINTI YUSOFF)

Pengetua Cemerlang